

22/09/2003

Seludup beras boleh ditangani

Mutazar Abd Ghani

BUTTERWORTH: Bahagian Kawal Selia Padi dan Beras, Kementerian Pertanian, mempunyai kemampuan mencukupi bagi menangani masalah penyeludupan beras yang masih berleluasa, kata Timbalan Menterinya, Datuk Seri Mohd Shariff Omar.

Beliau berkata, ini termasuk tugas mengawal selia dan memeriksa lesen serta permit import (AP) yang dikeluarkan kepada pengimport beras.

Katanya, apa yang perlu dilakukan pegawai bahagian berkenaan ialah melaksanakan tugas yang dipertanggungjawabkan secara berterusan dan tidak boleh leka atau ambil mudah.

Beliau berkata, penyeludup beras sentiasa menunggu kesempatan untuk membolosi kawalan atau memperdaya pihak berkuasa dalam menjayakan kegiatan mereka itu.

"Pada masa sama pegawai Bahagian Kawal Selia perlu meningkatkan kerjasama dan mengadakan tindakan bersepadu membabitkan pelbagai agensi bagi membanteras penyeludupan beras.

"Dalam soal ini, tidak timbul soal keperluan untuk menambah bilangan kakitangan di Bahagian Kawal Selia kerana jumlah yang ada sekarang adalah mencukupi," katanya selepas merasmikan sambutan Hari Kemerdekaan anjuran Umno Cawangan Sungai Dua, Tasek Gelugor di Dewan Sungai Dua, Butterworth, semalam.

Mohd Shariff yang juga Ahli Parlimen Tasek Gelugor ditanya sama ada Kementerian Pertanian merancang menambah bilangan kakitangan Bahagian Kawal Selia Padi dan Beras bagi meningkatkan keberkesanan membanteras penyeludupan beras.

Masalah penyeludupan beras semakin serius apabila akhbar bulan lalu melaporkan penyeludupan beras menyebabkan Bernas mengalami kerugian terkumpul RM27 juta manakala negara rugi kira-kira 400,000 tan bernilai hampir RM240 juta setahun.

Isu itu mendapat perhatian Kabinet yang kemudiannya mengarahkan langkah lebih bersepadu diambil membabitkan pelbagai agensi bagi membanteras kegiatan penyeludupan beras, khususnya menerusi jalan laut.

Langkah itu dijangka membabitkan pemantauan dan pengawasan lebih ketat di pelabuhan dan perairan negara. Selain itu, bentuk hukuman lebih tegas terhadap penyeludup juga akan dikaji.

Sebelum ini, Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, dipetik sebagai berkata, penyeludupan beras jika dibiarkan bukan saja menjejaskan industri beras tempatan, tetapi akan mengakibatkan negara kerugian kutipan cukai daripada syarikat yang terbabit dalam perniagaan komoditi itu.

Pada majlis semalam juga, Mohd Shariff menerima borang permohonan menyertai Umno daripada 76 penduduk di kawasan Sungai Dua, yang diserahkan oleh wakilnya, Md Zain Saad.